

Skim Lindung 24 Jam tidak lagi mandatori

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kerajaan memutuskan caruman bagi Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (Lindung 24 Jam) tidak lagi mandatori.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil berkata, caruman itu dilaksanakan secara sukarela berkuat kuasa serta-merta.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam mesyuarat Jemaah Menteri semalam telah membangkitkan maklum balas yang diterima berhubung pelaksanaan caruman 0.75 peratus daripada gaji pekerja bagi Lindung 24 Jam di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Justeru, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa caruman tersebut tidak lagi bersifat

“Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa caruman tersebut tidak lagi bersifat mandatori, sebaliknya dilaksanakan secara sukarela, berkuat kuasa serta-merta.”

FAHMI FADZIL



mandatori, sebaliknya dilaksanakan secara sukarela, berkuat kuasa serta-merta.

"Kenyataan lanjut berhubung keputusan ini akan

diterbitkan oleh Kementerian Sumber Manusia (Kesuma)," katanya.

Terdahulu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ra-

manan berkata, kadar caruman bagi Skim Lindung 24 Jam adalah jauh lebih rendah berbanding kebanyakan produk insurans yang ada di pasaran.

Katanya, kadar caruman sebanyak 0.75 peratus itu perlu dilihat sebagai pelaburan kecil bagi mendapatkan perlindungan menyeluruh dan bukannya sebagai beban.

Skim itu diwujudkan bagi melindungi pekerja serta keluarga mereka sekiranya berlaku kemalangan atau musibah di luar waktu bekerja.

Dalam perkembangan lain, Malaysia menghentikan semua perolehan peralatan atau kelengkapan pertahanan baharu dari Norway.

Fahmi berkata, Kabinet meneliti isu terkini tindakan Kerajaan Norway membatalkan lesen eksport peluru berpandu yang sepatutnya dilengkapi

pada Kapal Tempur Pesisir (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

"Jemaah Menteri telah memutuskan supaya Kementerian Pertahanan menghentikan serta-merta sebarang perolehan peralatan atau kelengkapan pertahanan baharu dari Norway," katanya.

Sebelum ini, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, tindakan Norway membatalkan kontrak perolehan peluru berpandu anti kapal (NSM) kepada Malaysia telah mencemarkan prinsip perjanjian, komitmen serta kepercayaan dalam hubungan antarabangsa.

Beliau berkata, Malaysia telah memenuhi semua obligasi pembayaran mengikut syarat kontrak dan bertindak secara telus berlandaskan kepercayaan terhadap rakan strategik.